

Pembangunan Akhlak Mahasiswa Menerusi Modul Latihan Pembudayaan Ilmu: Satu Keperluan di UiTM Pahang

*Norhapizah binti Mohd Burhan
Norzie Diana binti Baharum
Musramaini binti Mustapha*

ABSTRAK

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menanam hasrat yang tinggi untuk melahirkan mahasiswa berdaya saing, proaktif, memiliki dan mengamalkan nilai-nilai positif dan mampu mencorakkan kecemerlangan sesebuah institusi. Kecemerlangan negara juga didorong oleh tahap guna tenaga mahasiswa yang efektif dan cemerlang di dalam semua aspek. Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat utama pendidikan negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal. Oleh yang demikian proses pengajaran dan pembelajaran perlu menitikberatkan kepada empat domain utama iaitu kognitif, psikomotor, afektif dan sosial di dalam hasil pembelajaran. Walaubagaimana pun sistem pendidikan pada hari ini lebih terarah kepada kemahiran kognitif dan psikomotor. Manakala domain afektif dan sosial kurang dititikberatkan lalu menyebabkan produk sistem pendidikan kini atau modal insan yang dibentuk tidak seimbang. Kelemahan hasil ketidakseimbangan ini dapat disaksikan melalui budaya kampus di Universiti Teknologi Mara Pahang. Walaupun pencapaian akademik sebahagian mahasiswa berada di tahap yang membanggakan, namun budaya menepati masa hadir ke dewan kuliah merupakan antara elemen yang kurang dititikberatkan oleh sesetengah mahasiswa di Universiti Teknologi Mara Pahang. Kertas konsep ini memfokus kepada teknik memberi latihan kepada pelajar agar mereka lebih menepati masa. Ianya turut mencadangkan agar kaedah peneguhan dan hukuman berasaskan aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu diaplikasikan dikalangan pelajar yang sering melakukan kesalahan tata tertib ini. Mekanisma ini secara tidak langsung dapat membantu menerapkan kemahiran insaniah teras keenam iaitu etika dan moral profesional serta teras keempat iaitu pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat. Melalui hukuman pembacaan buku dan pembentangan hasil bacaan tersebut, budaya ilmu dapat disebarkan lantas memaksimumkan keupayaan minda para pelajar yang terlibat.

Kata Kunci: *akhlak, pembangunan akhlak, latihan, ilmu*

Pengenalan

Kecemerlangan sesebuah universiti bukan sahaja bergantung kepada pencapaian akademik pelajar semata – mata .Ia turut diukur melalui penerapan sahsiah, akhlak dan disiplin yang baik dikalangan mahasiswanya. Oleh yang demikian, pembangunan akhlak pelajar perlu sentiasa dimantapkan dari masa ke semasa dengan menggunakan pendekatan yang lebih informatif dan berkesan bagi menjayakan pembangunan modal insan seperti yang digagaskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Dengan kecenderungan yang tinggi ke arah pembentukan akhlak pelajar yang lebih berdisiplin, Universiti Teknologi Mara Pahang dilihat mampu mewujudkan pembangunan insaniah pelajar secara keseluruhan baik dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikalnya. Justeru, inovasi terhadap kaedah sedia ada adalah penting bagi melahirkan individu yang lebih kompetitif dalam memikul tanggungjawabnya sebagai seorang mahasiswa.

Konsep yang dibincangkan ini memberi fokus kepada teknik memberi latihan kepada pelajar agar mereka hadir ke dewan kuliah lebih awal berikutan budaya datang lewat yang semakin menjadi amalan pelajar – pelajar. Ianya boleh diklasifikasikan sebagai proses kepada peneguhan melalui penghukuman yang lebih bercorakan ilmiah selain daripada hanya membayar denda di kaunter dan memungkinkan pelajar ini mengulanginya pada masa – masa akan datang. Kaedah yang akan diperincikan iaitu pendidikan akhlak pelajar menerusi aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu ini secara tidak langsung dapat membantu penerapan kemahiran insaniah dalam diri individu yang terlibat. Secara lebih progresif, kaedah ini perlu dimulakan dengan menyenaraikan pelajar - pelajar yang melakukan kesalahan-kesalahan yang tersenarai (datang lewat ke kelas, ponteng kelas, tidak siap tugas) dan menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pembangunan Akhlak Mahasiswa (JPAM). Kemudian, pelajar – pelajar yang didapati bersalah akan diberi 3 peringkat latihan peneguhan sebelum hukuman denda dikenakan. Pertama, pelajar perlu membuat sinopsis buku motivasi/novel/ilmiah yang akan dibentangkan di dalam simposium ilmu yang secara khususnya akan membincangkan secara ilmiah kandungan buku yang dipilih oleh pelajar. Kedua, JPAM akan menilai projek yang dihasilkan semasa sesi pembentangan dan jika ianya melepasi aras yang ditetapkan, peringkat ketiga ialah pelajar – pelajar perlu terlibat dalam satu program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh mereka dengan kerjasama JPAM. Setelah ketiga – tiga peringkat ini selesai, pelajar akan menerima surat kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) dan seterusnya dibenarkan untuk membayar denda di kaunter bendahari. Konsep peneguhan dan pelaksanaan baru ini dipercayai mampu menimbulkan kecintaan terhadap amalan pembacaan yang konsisten di dalam diri pelajar, selain mewujudkan rasa bertanggungjawab mereka terhadap kesalahan yang telah dilakukan.

Definisi Akhlak

Perkataan akhlak berasal daripada Bahasa Arab yang terkandung di dalamnya pelbagai pengertian. Dari sudut etimologi, akhlak (اخلاق) ialah jamak kepada perkataan *khuluq* (خلق) yang bermaksud *al-sajiyat* (السجية) iaitu tabiat, perangai dan tingkahlaku (Ibn Manzur, 1955, m.s. 86). Berdasarkan *al-Qamus al-Muhit*, perkataan akhlak berasal daripada *al-khulq* yang mengandungi empat pengertian iaitu *al-sajiyat* (kelakuan), *al-tab'u* (tabiat), *al-muru'at* (maruah) dan *al-din* (agama) (al-Fayruz Abadi, 1978, hal.229). Menurut Miqdad Yaljan (1973), akhlak dari segi literal boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu sifat semulajadi yang dimiliki oleh seseorang secara fitrah, sifat yang dimiliki oleh seseorang melalui latihan yang akhirnya menjadi adat atau tabiat dan akhlak meliputi dua dimensi iaitu batin (kejiwaan) dan zahir (kelakuan). Sementara itu, Ibn Maskawayh (1924, m.s. 1030) mendefinisikan *al-khuluq* (الخلق) itu ialah suatu keadaan atau hal bagi diri atau jiwa (النفس) yang sifatnya mendorong seseorang untuk melakukan perbuatan atau tindakan dengan senang dan mudah tanpa didahului oleh daya pemikiran kerana sudah menjadi sifat atau kebiasaan. Ini adalah kerana jiwa seseorang itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu jiwa yang terbentuk secara semulajadi (tabie) dan jiwa yang dibentuk melalui latihan dan kebiasaan (Ibn Maskawayh, 1966). Menurut al-Ghazali akhlak adalah suatu sifat yang tertanam di dalam jiwa manusia yang dapat melahirkan suatu perbuatan dengan mudah tanpa berfikir, sekiranya sifat tersebut melahirkan tindakan yang terpuji mengikut ketentuan akal dinamakan akhlak baik. Tetapi sekiranya tindakan yang terhasil tindakan jahat, maka ia dinamakan akhlak buruk (Abi Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali, t.t.; Zaki Mubarak, t.t.). Akhlak menurut tokoh-tokoh tersebut menyentuh tentang tiga perkara utama iaitu sifat yang dimiliki secara semulajadi, sifat yang melalui proses latihan dan bertukar kepada tabiat dan juga sifat batin yang tertancap di dalam diri yang dimanifestasikan melalui kelakuan.

Pembangunan Akhlak

Di dalam *Kamus Dewan*, perkataan pembangunan bermaksud perihal membangun, proses membangun atau mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya (Teuku Iskandar, 2003). Berdasarkan *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, pembangunan ditakrifkan sebagai suatu keadaan pengembangan, pembinaan, pembaharuan, perbaikan ke arah kemajuan (Zainal Abidin Safarwan, 1995). Sementara itu penggunaan dalam istilah Bahasa Arab ialah *taqaddama* yang membawa erti yang hampir sama iaitu maju ke hadapan, bertambah baik, bergerak ke hadapan atau ke suatu hala yang tertentu (Muhammad ibn Abu Bakar al-Razi, 1985). Oleh itu pembangunan akhlak membawa maksud suatu usaha untuk memajukan, mempertingkatkan, mengembangkan, membina atau membuat pembaharuan kepada sifat semulajadi, tabiat, perangai, kelakuan, kebiasaan dan budi pekerti yang tertanam di dalam diri.

Keperluan Kepada Pembangunan Akhlak

Allah menjadikan manusia secara semulajadi dengan sebaik-baik kejadian dalam keadaan yang suci bersih. Jiwa manusia tersebut tidak berkekalan terpelihara bahkan berubah cenderung kepada sesuatu sama ada perkara kebaikan atau kejahatan (Ahmad Muhammad Tahun, 1996). Ini dapat dilihat menerusi Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*Demi jiwa serta penyempurnaan ciptaanNya. Maka
Allah mengilhamkan kepada jiwa itu jalan kefasikan
dan ketakwaan. Sesungguhnya beruntunglah orang
yang membersihkan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah
orang yang mengotorinya*
(Surah al-Syams (30): 7-10)

Ayat di atas menunjukkan manusia dikurniakan ciptaan yang sempurna. Ciptaan tersebut tidak akan kekal selama-lamanya dalam keadaan baik kerana manusia didorong untuk membuat pilihan sama ada untuk kekal dalam ketakwaan atau sebaliknya. Keadaan ini bergantung kepada keadaan yang berkuasa mempengaruhi jiwa tersebut. Imam Al-Ghazali berpandangan hati itu pada hakikatnya sentiasa suci daripada segala corak dan gambaran. Tetapi hati tersebut menerima semua bentuk corak yang diukir di atasnya dan akan cenderung untuk melakukan perbuatan mengikut kecenderungannya. Ini yang menunjukkan sifat semulajadi manusia menerima perubahan yang dicorak terhadapnya. Oleh yang demikian beliau berpandangan akhlak manusia perlu dibangunkan dengan menahan diri (*mujahadah*), melatih diri (*riadah al-nafs*), memerhatikan orang yang baik dan bergaul dengan mereka (*ta'allum*) (Abi Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali, t.t.).


Di dalam karangan Wahbah Zuhaily yang bertajuk *akhlak al-Muslim*, nafsu manusia sentiasa cenderung kepada kemalasan, kemudahan dan tidak suka kepada perkara kebaikan. Dengan sebab itu jiwa manusia perlu dilatih untuk berjihad dan membebaskan diri daripada tuntutan hawa nafsu agar diri manusia kekal taat beribadah kepada Allah. Demikian halnya dengan akhlak yang perlu sentiasa dibangunkan agar nafsu yang jahat tidak mendorong kepada akhlak yang jahat (Wahbah al-Zuhayli, t.t.). Keunikan manusia ialah dengan memiliki pelbagai unsur di dalam diri mereka lantas menyebabkan akhlak tidak boleh lahir secara semulajadi tanpa memerlukan usaha bagi mencapai tahap kesempurnaan. Sebaliknya ia dapat dibangunkan melalui latihan yang berterusan atau dipanggil *riyadah al-nafs* (Nik Aziz Nik Pa, 1996).

Menurut Syaikh Abdul Rahman (1987), akhlak manusia perlu dibangunkan menerusi latihan amali dan amalan-amalan menjernihkan batin. Walaupun pada peringkat awal ia dilaksanakan kerana arahan atau tekanan dari luar, namun lama kelamaan ia akan menjadi kebiasaan dan tabiat. Ini adalah kerana adat kebiasaan itu akan lahir sekiranya ada

kecenderungan hati kepada perbuatan itu dan merasa senang untuk melakukannya atau tertarik dengan sifat perbuatan tersebut. Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, akhlak merupakan aspek yang perlu dibangunkan secara berterusan dengan cara menahan diri (*mujahadah*), melalui latihan (*riyadah al-nafs*), memerhatikan orang yang baik dan bergaul dengan mereka (*ta'allum*) atau pembersihan diri (*tazkiyyatun nafs*). Pengulangan sesuatu perbuatan secara kerap, dalam tempoh yang lama, pada jarak waktu yang dekat akan menjadikan perbuatan tersebut satu kebiasaan atau adat dalam dirinya. Secara tidak langsung perbuatan berterusan itu akhirnya sukar ditinggalkan kerana telah berakar kuat di dalam peribadi seseorang.

Pendekatan Pendidikan Dan Latihan Dalam Pembangunan Akhlak

Umumnya konsep dan tujuan pendidikan, latihan dan pembangunan tidak jauh bezanya iaitu ketiga-tiganya berpaksikan kepada usaha untuk memperbaiki nilai-nilai peribadi mahasiswa bagi memastikan mereka terus bersikap kompetitif dan mampu menyumbangkan sesuatu yang positif kepada universiti khususnya dan masyarakat amnya. Ibrahim (1996) menggambarkan perbezaan antara ketiga-tiga konsep latihan, pendidikan dan pembangunan menerusi aspek tumpuan adalah sebagaimana Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Perbezaan antara Latihan, Pendidikan dan Pembangunan Dari Aspek Tumpuan

Ibrahim (1996) menganggap bahawa latihan terfokus kepada usaha untuk penambahbaikan nilai-nilai kerja atau tugas seseorang pekerja. Pendidikan pula menumpukan kepada usaha untuk membangunkan diri seseorang pekerja. Manakala pembangunan pula terarah kepada perkembangan yang perlu disesuaikan oleh seseorang pekerja berdasarkan tuntutan organisasi. Di dalam konteks mahasiswa, latihan diperlukan untuk menambahbaik nilai penghasilan akademik dan akhlak, pendidikan pula berfungsi untuk membangunkan diri mahasiswa dari aspek dalaman mahupun luaran dan pembangunan adalah kesediaan pelajar berhadapan dengan perkembangan semasa dunia pendidikan dan melengkapkan diri dengan segala input yang diperlukan untuk bersaing di dalam pasaran global. Ringkasnya dapat disimpulkan latihan adalah satu aktiviti pembelajaran yang berorientasikan matlamat jangka pendek yang mengkehendaki seseorang individu itu melaksanakan tugasnya dengan efektif dan efisien sejeurus selepas tamat pembelajarannya. Pendidikan adalah merupakan aktiviti pembelajaran yang berorientasikan matlamat jangka panjang yang cuba mewujudkan kesediaan mahasiswa untuk mempelajari sesuatu input yang berkaitan dengan kerjayanya pada masa akan datang. Pembangunan adalah merupakan aktiviti pembelajaran yang distrukturkan tidak berasaskan kepada keperluan mahasiswa secara langsung tetapi mungkin akan berguna untuk perkembangan karier atau potensi diri. Daripada ketiga-tiga pendefinisan ini dapat dilihat latihan dan pendidikan merupakan elemen kepada pembangunan insan. Sementara itu aspek pembangunan merupakan unsur yang perlu dititikberatkan untuk memberi perubahan kepada diri manusia secara keseluruhan.

Pendidikan (*Tarbiah*) Menurut Al-Quran

Islam melihat tarbiah sebagai satu aspek penting dalam menjana pembangunan insan. Pendekatan Islam dalam rangka membangun insan bersumberkan al-Quran sebagai sumber utama. Allah berfirman di dalam Surah al-Isra' yang bermaksud:

"Kami turunkan daripada al-Quran itu penawar dan rahmat kepada orang-orang yang beriman"

Di antara tarbiah yang terkandung di dalam Al-Quran ialah Tarbiah bi al-Mau'izah (Nasihat). Dr. Abdullah Nasih Ulwan (1983), berpandangan, tarbiah melalui nasihat adalah antara pendekatan terpenting dan berkesan dalam membentuk anak-anak. Manusia menurut beliau perlu dididik dengan cara nasihat. Nasihat ini akan lebih berkesan jika individu yang dinasihat berjiwa bersih, berfikiran terbuka serta mempunyai daya fikir yang tajam dan boleh menilai antara yang baik dengan tidak baik. Wan Hussien Azmi (1984) menyebut nasihat yang baik ialah nasihat yang membuatkan pendengar merasai bahawa ia diberi nasihat dan mendapat manfaat untuk kebaikan mereka sendiri.

Pendidikan seterusnya ialah Tarbiah bi al-Qissah (Penceritaan). Al-Quran mengandungi koleksi cerita silam. Kisah nabi yang dipaparkan al-Quran banyak memberi contoh dan iktibar dalam konteks pendidikan dan pembangunan jiwa manusia agar lebih kuat. Kisah yang dirakamkan al-Quran seperti kisah perjuangan rasul-rasul terdahulu dan ujian yang mereka hadapi ialah unsur pendidikan yang tinggi nilainya. Kaedah penceritaan penting diterapkan agar mereka dapat mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang lalu. Tambahan pula kaedah penceritaan boleh menghindari perasaan jemu. Dengan kaedah ini, unsur pendidikan dapat diserapkan secara halus dan berkesan dalam memberi kefahaman kepada sasaran (Fariza Md.Sham et.al, 2006).

Selain itu ialah Tarbiah bi al-Ahdath (Peristiwa). Peristiwa yang berlaku juga mengandungi nilai pendidikan kepada masyarakat. Al-Quran membawa analogi yang jelas bagaimana kejadian atau peristiwa yang berlaku seharusnya menjadi tauladan dalam perjuangan kehidupan manusia. Seterusnya Tarbiah bi al-Uqubah (Ancaman/Denda). Ancaman atau denda adalah satu bentuk dan kaedah pendidikan yang digariskan al-Quran sebagai satu pendekatan ke arah menarik hati manusia agar sedar dan insaf tentang hakikat kehidupan mereka. Bentuk ancaman dan seksanya dinyatakan al-Quran bukan semata-mata bersifat ancaman dan seksaan. Malah ancaman dan seksaan yang dikenakan terhadap manusia kerana kejahatan dan kesalahan yang dilakukan mereka mengandungi unsur-unsur pendidikan.


Kelima, tarbiah bi al-Qudwah (contoh tauladan). Al-Quran telah memilih Rasulullah sebagai teladan bagi manusia mengikuti dalam segala aspek kehidupan. Ini adalah kerana amalan kehidupan Rasulullah dapat diumpamakan seperti cermin al-Quran. Muhammad Qutb (1987) menjelaskan bahawa Allah meletakkan pada peribadi Rasulullah satu gambaran yang jelas tentang kehidupan yang diamalkan oleh Rasulullah. Baginda ialah *qudwah* dari segi kemantapan akidah, pelaksanaan ibadah, kepimpinan negara, sebagai suami, pendidik, bapa dan lain-lain.

Konsep Latihan

Menurut Oxford Advanced Learner's Dictionary (2003), latihan ditakrifkan sebagai proses pembelajaran kemahiran-kemahiran yang diperlukan seseorang untuk melaksanakan tugasnya. Menurut Rozhan (2002), latihan ialah segala usaha yang dilakukan oleh organisasi untuk meningkatkan kemampuan seseorang untuk melaksanakan tugasnya atau memainkan peranan yang telah ditetapkan oleh organisasinya. Cascio (1995) pula mentakrifkan latihan sebagai program-program yang direka bentuk untuk meningkatkan prestasi di tahap individu, kumpulan dan organisasi. Peningkatan prestasi bermaksud wujudnya perubahan yang boleh

diukur dalam pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkahlaku sosial. Mohd Hizam dan Zafir (2002) menyatakan bahawa latihan merupakan prosedur terancang yang diikuti oleh seseorang bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran bagi tujuan dan kepentingan tertentu. Secara holistiknya, dapat diringkaskan keperluan latihan kepada mahasiswa adalah bertujuan untuk mempertingkatkan dan menambah nilai pengetahuan, memantapkan kemahiran dan mengubah sikap (*knowledge, skills and attitude*).


Proses latihan boleh digambarkan melalui model-model proses latihan yang banyak digagaskan oleh para sarjana. Rajah di bawah merujuk kepada Model Proses Latihan.



Rajah 2: Model Proses Latihan

Menurut Ibrahim (1996), Model Proses Latihan ini mengandungi tiga fasa utama, iaitu Fasa Persediaan Latihan, Fasa Pelaksanaan Latihan dan Fasa Penilaian Latihan. Aktiviti mereka bentuk program latihan dalam model ini terletak dalam fasa persediaan dan setelah mendapat keputusan analisis keperluan latihan. Dalam model ini jelas ditunjukkan bahawa mereka bentuk merupakan satu aktiviti pembentukan rancangan program latihan yang perlu dibuat sebelum melaksanakannya.

Dalam usaha untuk mendapatkan hasil yang diharapkan melalui sesebuah program latihan, tahap pelaksanaan latihan merupakan tahap yang paling kritikal. Menurut Maimunah (1999), tahap pelaksanaan sesuatu latihan merupakan penentu utama kepada kejayaan keseluruhan. Selepas tahap inilah kebiasaannya penilaian keberkesanan pelbagai aspek dilaksanakan. Misalnya keberkesanan modul atau kurikulum latihan, kebolehan dan keupayaan fasilitator, tahap kemudahan dan peralatan yang disediakan untuk latihan yang dijalankan. Secara spesifiknya, rekabentuk dan pelaksanaan program latihan digambarkan melalui Rajah 3 berikut:



Rajah 3: Model Latihan (Syamsul Bahri Audi Galingo, 2005)

Melalui Rajah 3 di atas, tiga tahap utama wujud dalam reka bentuk dan pelaksanaan satu-satu program latihan bermula dengan tahap pentaksiran (assessment phase), diikuti dengan tahap rekabentuk dan pelaksanaan (designing and implementation phase) dan diakhiri dengan tahap penilaian (evaluation phase). Dalam konteks pelaksanaan latihan, fokusnya adalah kepada tahap yang kedua iaitu reka bentuk dan pelaksanaan, di mana dalam tahap ini terdapat tujuh langkah utama iaitu menetapkan objektif latihan, memilih jurulatih, membina rancangan pengajaran, memilih teknik dan kaedah latihan, menyediakan material, merangka jadual program latihan, melaksanakan program latihan. Seterusnya sebaik sahaja program atau latihan selesai, penilaian perlu dilakukan sebagai langkah terakhir. Ibrahim Mamat (1996) merumuskan takrifan penilaian ialah mentafsir nilai sesuatu, menentu sejauh mana objektif tercapai, proses mendapat maklumat berguna untuk dijadikan panduan, proses perbandingan antara bukti dan piawai yang telah ditetapkan.

Islam dan Budaya Ilmu

Bangsa yang membangun selain memerlukan kekuatan, ia juga memerlukan ilmu yang akan memperkukuh kekuatan dan mampu memandu kekuatan yang ada secara maksimum. Islam tidak pernah menolak ilmu malah Islam meletakkan ilmu sebagai suatu tuntutan sebagaimana yang terkandung di dalam wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah. Rasulullah s.a.w juga pernah meletakkan penebus diri bagi tawanan musyrikin dalam peperangan Badar ialah mereka perlu mengajar sepuluh anak orang Islam membaca dan menulis sebagai suatu usaha bagi membasmi buta huruf di kalangan umat Islam. Islam telah melahirkan tamadun manusia yang terunggul di dunia berteraskan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan merupakan satu alat yang paling berkesan dalam membentuk sesebuah masyarakat. Tidak ada masyarakat yang berjaya dan maju tanpa adanya ilmu pengetahuan. Islam telah meletakkan ilmu pengetahuan sebagai asas pembangunan dan menitikberatkan penganutnya sentiasa mengkaji, meneliti, menyelidik, meneroka segala ilmu dan maklumat demi manfaat kehidupan. Ilmuan serta cendekiawan Islam seperti Ibn Sina, Ibn Rushd dan al-Khawarizmi telah menyumbang kepada pembangunan sains dan teknologi dunia. Imam al-Ghazali tidak pernah mengenali erti 'kekosongan' di dalam hidupnya. Seluruh waktu dipenuhi dengan pekerjaan dan amal yang berfaedah. Ia menghargai nilai waktu, ketabahan yang tidak kenal erti letih, kesungguhan tanpa mengenal erti jemu sehingga melayakkan beliau bergelar ilmuan terbesar di dunia Islam dalam usia yang masih muda (Shaleh Ahmad Asy-Syami, 2007).

Kecemerlangan ummah serta pembinaan tamadun sesuatu bangsa adalah bergantung kepada sejauhmana penguasaan ilmu pengetahuan yang dicapai oleh bangsa itu. Allah menyatakan dalam FirmanNya yang bermaksud:

Allah meningkatkan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan

(Surah al-Mujadalah:11)

Muhammad 'Alif Al-Za'by (2004) memetik nasihat Imam Syafie di dalam menuntut ilmu:

' Aku melihat pemilik ilmu itu akan mulia, meskipun ia dilahirkan di dalam keluarga yang buta huruf. Ilmu selalunya akan mengangkat darjat pemiliknya, sehingga semua orang mulia menghormatinya.

Jika dilihat pula kepada kejayaan pembinaan tamadun dan peradaban Islam silam, ia adalah kesinambungan daripada kekuatan ilmu yang dimiliki. Tercatat dalam sejarah kewujudan kota-kota besar sebagai pusat pengembangan ilmu dunia seperti Baghdad, Kufah, Basrah, Damsyik, Seville dan Cardova. Di kota-kota ini juga lahir tokoh-tokoh ilmuan tersohor dalam pelbagai bidang seperti sains, falsafah, astronomi, matematik, ilmu kedokteran dan termasuk ilmu agama.


Aplikasi Latihan Pembudayaan Ilmu Kepada Mahasiswa

Tabiat merangkumi pelbagai kecenderungan, kemahuan dan keinginan yang tersembunyi dalam jiwa manusia yang mempengaruhi tindakan, perancangan, dan perlakuan. Akhlak yang baik akan mendorong pelakunya menzahirkan tabiat yang baik dan begitulah sebaliknya. Sejuahmana tabiat negatif ini mempengaruhi tingkahlaku dan tindakan seseorang individu berkait rapat dengan keimanan, kawalan diri, ketahanan dalaman, dan disiplin diri (Andek Masnah Andek Kelawa dalam Fariza Md.Sham et.al, 2006).

Jika ditinjau dalam Al-Quran terdapat banyak ayat yang menunjukkan makna pemikiran dan buktinya bagi merangkumi perkara yang berkaitan dengan proses pemikiran seperti pengamatan, pemerhatian, pemahaman dan kelebihan akal yang dianugerahkan Allah kepada manusia. Oleh itu pendekatan minda yang menjurus kepada minda dan mendorong kepada pemikiran, pemerhatian dan pengambilan iktibar amat sesuai digunakan dalam proses bimbingan kerana manusia memang mempunyai potensi untuk berubah kepada kebaikan dengan anugerah akalunya (Fariza Md Sham, 2006).

Malik bin Nabi dalam Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003) menyamakan ketandusan idea dengan kematian peradaban. Kekurangan idea menyebabkan kemuflian peradaban. Di samping itu, kemurnian moral menjadi teras dalam peradaban. Hassan al-Banna dalam risalahnya telah menggariskan antara sebab kemunduran umat Islam salah satu di antaranya ialah mengabaikan kepentingan ilmu pengetahuan dan menghabiskan masa tanpa faedah. Di samping itu tenggelam dalam ilmu-ilmu khayalan dan khurafat. Menurut Yusuf al-Qaradhawi pula punca kemunduran umat Islam ialah menjalani kehidupan secara berfoya-foya. Manakala untuk membina kecemerlangan tamadun peningkatan akhlak yang tinggi di kalangan kelompok manusia serta mematuhi segala peraturan adalah diperlukan. Selain itu kebudayaan ilmu pengetahuan juga penting di mana wujud intelektual dan ilmuan yang banyak serta ketinggian ilmu diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Seterusnya beliau menyebut terdapat tiga aspek yang harus dibangunkan untuk kecemerlangan manusia iaitu pembinaan manusia, pembinaan pemikiran dan pembinaan akhlak. (dalam Rumaizuddin Ghazali, 2003).

Oleh yang demikian dalam usaha untuk membangun akhlak mahasiswa UiTM, latihan pembudayaan ilmu perlu dianjurkan. Ini bertujuan untuk mencari penyelesaian yang lebih teratur bagi menangani masalah tatatertib segelintir mahasiswa yang suka hadir lewat ke kuliah, ponteng kelas atau tidak menyelesaikan tugas dan latihan yang diberikan oleh pensyarah. Adalah tidak dapat dinafikan tingkahlaku dan sikap yang dipamerkan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi imej universiti. Sebagai kumpulan yang bergelar mahasiswa, mereka seharusnya mendokong aspirasi universiti untuk melahirkan mahasiswa yang cemerlang dalam semua aspek seiring dengan tuntutan yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kemahiran Insaniah. Sebagai jalan penyelesaian, Jawatankuasa Pembangunan Akhlak Mahasiswa (JPAM) perlu ditubuhkan untuk membantu mendidik dan memberi latihan berterusan agar pembudayaan ilmu dapat diterapkan di dalam budaya kampus dengan modul latihan yang khusus. Modul latihan tersebut dapat dilihat menerusi carta alir di dalam Rajah 4 di bawah:



Rajah 4:Adaptasi Model Latihan (Syamsul Bahri Audi Galingo, 2005)

Melalui Rajah 4 di atas, setiap pelajar yang melakukan kesalahan-kesalahan yang tersenarai (datang lewat ke kelas, ponteng kelas, tidak siap tugas) akan diambil nama dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Akhlak Mahasiswa (JPAM). Pelajar yang disabit kesalahan akan diminta untuk melalui tiga peringkat latihan sebelum didenda. Latihan yang diperlukan ialah membuat sinopsis buku motivasi/novel/ilmiah dan akan dibentangkan di dalam simposium ilmu. Seterusnya JPAM akan menilai projek yang dihasilkan semasa sesi pembentangan. Sekiranya pelajar terbabit melepasi aras latihan yang ditetapkan, pelajar akan dihantar mengikuti khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar terbabit dengan kerjasama JPAM. Khidmat masyarakat tersebut akan dianjurkan dengan institusi yang dipilih sendiri oleh pelajar-pelajar yang sedang menjalani latihan. Di dalam khidmat masyarakat tersebut, selain daripada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan perlu dilakukan oleh pelajar, sesi kuliah ilmu juga turut dianjurkan. Selepas pelajar melepasi syarat kelulusan yang ditetapkan oleh JPAM, pelajar terbabit akan dihantar ke bahagian Hal Ehwal Akademik untuk menjelaskan denda sebagai hukuman yang telah dilakukan oleh pelajar berkenaan. Pelajar yang telah melalui semua latihan yang diperlukan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh JPAM akan dibenarkan untuk bergraduasi daripada universiti. Proses latihan yang dijalankan

dapat mendidik pelajar untuk membudayakan ilmu dan dalam masa yang sama mereka juga menerima pendidikan berterusan sama ada menerusi pembacaan buku, pembentangan dan kuliah ilmu. Walaupun latihan peneguhan telah dijalankan, mahasiswa terbabit perlu juga membayar denda sebagai hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan agar tidak diulangi semula pada masa hadapan. Secara tidak langsung, walaupun hanya segelintir pelajar yang terlibat di dalam modul latihan ini, mahasiswa lain juga berpeluang untuk turut serta dalam sesi pembentangan dan perkongsian idea. Apabila budaya pembacaan diamalkan oleh segelintir mahasiswa yang memiliki tingkahlaku negatif dapat dipupuk, budaya ini juga akan turut menjadi amalan mahasiswa-mahasiswa lain di dalam kampus.

Penutup

Dapat disimpulkan disini bahawa pembentukan dan pembangunan akhlak perlu menjadi nadi sesebuah institusi pengajian tinggi bagi melahirkan graduan yang menyeluruh sifat luaran dan dalamnya. Pembangunan akhlak perlu juga dilihat sebagai satu proses menyeluruh yang tidak hanya mengambil berat kesalahan-kesalahan akhlak yang besar seperti pergaulan bebas. Proses ini turut harus menitik-beratkan kesalahan tata tertib yang lebih kecil seperti lewat hadir ke kelas, ponteng, tidak melaksanakan tugas yang diberi dan sebagainya bagi mengelakkan pelanggaran tata tertib yang lebih besar. Melalui pembentukan Jawatankuasa Pembangunan Akhlak Mahasiswa (JPAM), disertai dengan mekanisma hukuman baru yang berlandaskan aktiviti keilmuan, masalah kehadiran lewat ke kelas, ponteng dan sebagainya kini dapat diberi perhatian yang sewajarnya. Ini bertujuan menghapuskan persepsi para pelajar yang suka memandang enteng isu-isu berkaitan kehadiran ke kelas kerana persepsi sebegini di khawatiri mampu membentuk pemikiran salah para mahasiswa yang akhirnya akan mencemarkan nama baik UiTM itu sendiri tatkala mereka menembusi dunia pekerjaan. Hukuman yang berasaskan keilmuan pula dapat meneruskan percambahan ilmu yang baik dikalangan para pelajar agar mereka lebih menghargai masa belajar yang seharusnya difokuskan kepada pencarian dan pengembangan ilmu, bersesuaian dengan peranan mahasiswa itu sendiri. Bagi pelajar yang disabit kesalahan, hukuman seperti ini perlu dilaksanakan bagi menunjukkan kesalahan tata tertib tidak hanya boleh dibayar dengan wang. Sebagai ganti masa yang telah mereka bazirkan hasil dari kelewatan dan ponteng kelas, hukuman berasaskan ilmu ini diharap dapat menjadi refleksi kepada peri-pentingnya ilmu dan budaya keilmuan itu sendiri.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin (1986), *Asas Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heineman (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam Dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam
- Abdullah Nasih 'Ulwan (1983). *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam*, J. 2. Kaherah: Dar al-Salam, m.s. 177.
- Abi Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (t.t), *Ihya' 'Ulum al-din*. J. 3, Dimasyq: Maktabah 'Abd al-Wakil al-Darubi, m.s. 48.
- Ahmad Muhammad Tahun (1996), *al-Kaukib al-Munir fi Adab al-Nafs wa Tahdhib al-Damir*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami
- Al-Fayruz Abadi (1978), *al-Qamus al-Muhit*, J. 3, Birut: Dar al-Fikr, m.s. 229.

- Asher & Gottman. (1981). *The Development of Children's Friendships*. New York: Cambridge University Press.
- Fariza Md. Sham et.al (2006), *Dakwah Dan Kaunseling Di Malaysia*. Selangor: Penerbit UKM.
- Franz Rosenthal (1958), *Ibn Khaldun The Muqaddimah An Introduction To History*. New Jersey: Princeton University Press
- Ibn Manzur (1955), *Lisan al-'Arab*, J. 10, Birut: Dār al-Sadir, h. 86-87.
- Ibn Maskawayh (1924), *Tahdhib al-Akhlaq wa Tathir al-'Araq*, C.1. al-Matba'ah al-Misriah wa Maktabatuha, m.s. 188.
- Ibn Maskawayh (1966), *Tahdhib al-Akhlaq*, Birut: American University of Beirut, m.s. 31.
- Ibrahim Mamat (1996), *Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan: Konsep Dan Amalan*.
- Joyce Levy Epstein & Nancy Karweit. (1983). *Friends in School Patterns of Selection and Influence in Secondary Schools*. New York: Academic Press.
- Mahmud Hamdi Zaquz (1993), *Muqaddimah fi I lm al-Akhlaq*, C. 4. al-Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, m.s. 32.
- Maimunah Aminuddin (1999), *Human Resource Management*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mak Soon Sang dan Lee Shok Mee (1990), *Pendidikan di Malaysia Mengikut Sukatan Pelajaran Ilmu Pendidikan Semester 1*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Miqdad Yaljan (1973), *al-Ittijah al-Akhlaq fi al- Islam*, C. 1, Mesir: Maktabah al-Khanaji, m.s. 34.
- Mohd Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2002), *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Mohd Sulaiman bin Haji Yasin (1992), *Akhlaq Dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman
- Muhammad 'Aqad (1986), *al-Nizam al-Akhlaq fi al-Islam*. 'Umman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, m.s. 128.
- Muhammad Baysar (1973). *al-'Aqidah wa al-Akhlaq wa Atharuhuma fi Hayat al-Fard wa al-Mujtama'*, C. 4. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Muhammad ibn Abu Bakr al-Razi (1985), *Mukhtar al-Sihhah*. Birut: Maktabah Lubnan, m.s. 220.
- Muhammad Qutb (1987), *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyyah*. J.1. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- _____ (2003), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, Oxford: Oxford University Press.

- Nik Azis Nik Pa (1999), *Potensi Intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s. 184.
- Omar Mohammad al-Syaibani (1979), *Falsafah Pendidikan Islam*. Dr. Hassan Langgulung (terj.). Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 34.
- Rozhan Othman (2002), *Pengurusan Personel Dan Perancangan Guna Tenaga*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shaleh Ahmad Asy-Syami (2007), *Biografi Imam Al-Ghazali*. Selangor: Berlian Publications Sdn.Bhd.
- Syaikh 'Abd al-Rahman Hasan al-Habanakah al-Midani (1987), *al-Akhlaq al-Islamiyyah wa ususuha*, J. 1, Syria: Dar al-Qalam, m.s. 27-220.
- Teuku Iskandar (Dr.) (2000), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Wahbah al-Zuhayli (t.t), *Akhlaq al-Muslim*. Birut: Dar al-Fikr al-Ma'asir
- Wan Hussein Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yusuf al-Qaradhawi (1996). *Fi al-Tariq ila Allah (1) al-Hayah al-Rabbaniyyah wa al-'Ilm*. Umman: Dar al-Furqan lil-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Zaki Mubarak (t.t) , *al-Akhlaq` inda al-Ghazali*, Birut:Mansyurat al-Maktabah al-'Asriyyah

NORHAPIZAH BINTI MOHD BURHAN, NORZIE DIANA BINTI BAHARUM,
MUSRAMAINI BINTI MUSTAPHA, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM
Pahang, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Pahang, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM
Pahang, izahuiaum@pahang.uitm.edu.my,